

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 NOVEMBER 2022  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 24

### Belanjawan perlu dibentang semula

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

Kuala Lumpur

**K**eutamaan segera kerajaan baharu yang dibentuk adalah mewujudkan manifesto yang dibentangkan semasa Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) terutamanya membabitkan langkah bagi menangani kos sara hidup, kebijakan dan keselamatan sosial, demikian tegas penganalisis ekonomi.

Penganalisis Maybank Investment Bank Bhd, Suhaimi Ilias berkata, kesemua manifesto gabungan parti politik semasa PRU-15 seperti Perikatan Nasional (PN), Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) menyenaraikan isu populis berkenaan.


Katanya, manifesto terbaik meliputi setiap golongan masyarakat dengan pelbagai janji dan tawaran yang menarik minat rakyat.

"Sekadar untuk mengimbas kembali, sasarannya fiskal jangka masa sederhana ketika Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) adalah mengurangkan deficit bajet kepada 3.5 peratus daripada KDNK (KDNK) menjelang 2025.

"Dijangkakan pada tahun ini deficit berada sekitar 5.8 peratus daripada KDNK dan 5.5 peratus pada 2023," katanya.

Sementara itu, Ketua Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Firdaos Rosli berkata, walaupun ketidaktuan politik semakin berpanjangan namun Malaysia masih berdaya tahan dari segi ekonomi kerana negara ini boleh menyesuaikan diri dengan pantas terhadap sebarang perubahan.

"Walaupun begitu, ia tidak bermakna (Parlimen) kita



DIJANGKAKAN deficit berada pada sekitar 5.5 peratus daripada KDNK pada tahun depan.

### TANGANI INFLASI

# BELANJAWAN PERLU DIBENTANG SEMULA

mampu untuk terus tergantung tanpa membuat keputusan. Banyak risiko penurunan kepada pertumbuhan ketika ini adalah disebabkan oleh faktor luaran.

"Kita tidak mau pertimbangan domestik membebani lagi prospek jangka masa pendek kerana isu ini berada dalam kawalan kita," katanya.

Penganalisis Ekonomi Universiti Sains dan Teknologi Malaysia, Dr Geoffrey Williams pula berpendangan bahawa kerajaan baharu perlu membentangkan semula belanjawan.

Beliau berkata, ini kerana

Malaysia masih belum meluluskan sebarang belanjawan untuk 2023 dan sehingga ia diluluskan, negara mungkin perlu menggunakan rizab luar jangka.

"Belanjawan itu harus membalikkan Bajet 2023 yang menjadi belanjawan sebelum pilihan raya. Peningkatan dalam perbelanjaan dan hutang adalah terlalu besar, akan menyebabkan inflasi yang lebih tinggi dan kadar faedah yang lebih tinggi.

"Bagian pendapatan juga harus sejajar dengan 2022 sekitar RM285 bilion dan kerajaan harus cuba mengelakkan RM50 bilion royalti minyak jika boleh bergantung kepada harga minyak. Ini bermakna deficit hanya sekitar RM60 bilion berbanding RM100 bilion dalam Bajet 2023.

"Defisit yang lebih rendah akan mengurangkan tekanan ke atas inflasi dan kadar faedah," katanya.

Williams berkata, setelah jumlah pendapatan dan belanjawan diselesaikan, buktiran lain boleh dimulakan mengikut manifesto parti-parti gabungan yang merintah.

Beliau berkata, adalah menarik untuk menggabungkan cadangan daripada pelbagai gabungan kerana kesemuanya boleh ditambah dengan jayanya dalam belanjawan sedia ada.

Namun katanya adalah penting bahawa belanjawan baharu tidak mengikut agenda populis, sebaliknya kukuh dan boleh dipercaaya.

**Dijangkakan pada tahun ini deficit berada sekitar 5.8 peratus daripada KDNK Suhaimi**